

Persepsi Khalayak Terhadap Isu-Isu Pendidikan Sastera Perpaduan

CHEW FONG PENG

ABSTRAK

Rusuhan kaum 13 Mei, 1969 di Malaysia memberi pertanda kepada kita bahawa hubungan etnik di negara ini adalah rapuh. Untuk menanam sikap kesatuan dan perpaduan, banyak dasar kerajaan telah dilaksanakan. Sehubungan itu, pengajaran perpaduan nasional dalam kesusasteraan Melayu telah menjadi matlamat utama dalam pendidikan. Maka, satu kajian empirikal dengan menggunakan Teori Latar Belakang Sosial telah dijalankan. Ia melibatkan 1,600 orang pelajar Tingkatan IV, Tingkatan VI, mahasiswa dan guru siswazah dalam pengajian Melayu. Dapatan kajian ini menunjukkan 66.48% responden menyokong saranan mengajar sastera perpaduan di institusi pendidikan. Setelah dianalisis, adalah didapati wanita Melayu yang berstatus sosio-ekonomi tinggi lebih banyak menyokong cadangan itu berbanding kumpulan orang bukan Melayu lelaki daripada status sosio-ekonomi yang rendah. Kajian ini juga memberi saranan bagaimana menjadikan pendidikan perpaduan itu lebih berkesan menerusi kesusasteraan Melayu.

Kata kunci: Sastera Melayu, perpaduan negara, hubungan etnik

ABSTRACT

May 13 1969, racial riots in Malaysia carried the message that ethnic relations in this country is fragile. In order to foster the sense of unity, many national policies have since been implemented. Hence, the teaching of national integration in Malay literature has more or less become an educational goal to achieve the objectives of the policy. Thus, an empirical study based on the theory of Social Background, involving 1,600 students from Form IV, Form VI, university and graduate teachers in Malay studies is the focus of this paper. The findings of the study indicate that 66.48% of the respondents are in favor of teaching the literature of integration in all educational institutions. Upon further analysis, Malay women of high socio-economic status tend to be more inclined to the idea compared with non-Malay male from low socio-economic status. The results from the study suggests an improvement in the integration through education is effective.

Key words: Malay literature, national integration, ethnic relations



PENDAHULUAN

Rusuhan 13 Mei 1969 telah tercatat sebagai hari tragedi dalam sejarah negara ini. Peristiwa itu telah membuat rakyat dan pemimpin kita sedar bahawa masalah perkauman masih serius sehingga kini. Puncanya termasuk dasar penjajahan British dahulu, perbezaan ideologi politik, semangat kesukuan, semangat kepuakan dan jurang perbezaan ekonomi antara kaum. Untuk mengelakkan berulangnya peristiwa hitam itu, kerajaan Malaysia telah mewujudkan pelbagai dasar dan rancangan untuk mengatasinya. Antaranya adalah Rukunegara, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Pembangunan Nasional.

Selain itu, pendidikan adalah mekanisme yang boleh digunakan untuk membawa perubahan yang diinginkan. Untuk mengurangkan prasangka etnik dalam era Dasar Ekonomi Baru (DEB) sejak tahun 1970, maka telah dilaksanakan Sistem Pendidikan Kebangsaan (SPK). Sehubungan itu, kajian Ibrahim Saad (1979) telah menunjukkan bahawa walaupun masih ada perbezaan sikap antara etnik, tetapi sistem pendidikan kebangsaan telah sedikit sebanyak mengubah pandangan sebahagian rakyat tentang penyatuan etnik dan perpaduan nasional. Selain itu, kajian yang dilakukan di Jabatan Perpaduan Negara (1987) menunjukkan adanya perubahan yang menggalakkan dalam erti kata SPK dapat meningkatkan tahap perpaduan dan kesepaduan. Sehubungan itu, kajian Robiah Sidin dan rakan-rakan (1989) pula menunjukkan pendidikan bahasa kebangsaan telah memainkan peranan dalam membina patriotisme, sifat kepahlawanan dan kebanggaan nasional. Kesemua faktor itu unsur yang penting kepada perpaduan kaum. Namun, kajian itu tidak meliputi peranan sastera kebangsaan yang didapati juga penting dalam membina perpaduan nasional.

Untuk mengisi kekosongan itu, maka kajian tentang persepsi khalayak terhadap sastera sebagai alat perpaduan di institusi pendidikan dengan mengaplikasikan Teori Latar Belakang Sosial telah dilakukan. Dalam kajian itu, perhatian telah diberi kepada taraf sosioekonomi (SES) kerana ia adalah komponen yang berpengaruh besar dalam Teori Latar Belakang Sosial (Parsons 1947: 418-420). SES adalah indeks untuk mengukur pendidikan, pekerjaan dan pendapatan, selain harta dan barangan. Teori Latar Belakang Sosial telah digunakan Hirschman (1975) dalam kajian ke atas struktur masyarakat dengan melibatkan etnik selain SES sejurus selepas rusuhan 13 Mei di Semenanjung Malaysia.

Kajilidik ini telah dijalankan selama enam bulan, dari Februari sehingga Julai 2003. Sampel kajiannya terdiri daripada 1,600 orang pelajar Tingkatan IV, VI, universiti dan guru lepasan ijazah, masing-masing sebanyak 400 orang. Persampelan itu dibuat untuk memenuhi kriteria tahap pendidikan dan latar belakang sosial yang berbeza, sesuai dengan keperluan kajian ini untuk mengetahui pandangan responden terhadap sastera perpaduan bermula daripada peringkat remaja awal, kepada remaja, remaja akhir dan dewasa.

Kawasan kajian terbatas di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memandangkan kedua-dua tempat itu strategik dari segi geopolitik, ekonomi, sosial, budaya, pendidikan dan pembinaan negara. Di sinilah juga proses pemodenan paling jelas kesannya selain di sinilah juga kegiatan sosio-budaya dan politik bukan sahaja banyak, tetapi juga mudah dikesan (Alken, Jackson & Rudner 1994: 17). Kesemua faktor itu penting kerana rusuhan kaum pada 13hb. Mei, 1969 juga tercetus di Kuala Lumpur yang ketika itu masih sebahagian negeri Selangor.

Pandangan dan pendapat daripada responden berhubung dengan peranan sastera sebagai alat pembentukan perpaduan di institusi pendidikan itu diperolehi daripada soal selidik yang terdiri daripada dua soalan terbuka.

SASTERA PERPADUAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN

Soalan pertama berbunyi: “Apakah pendapat anda untuk meningkatkan perpaduan nasional, tema-tema perpaduan dalam puisi, cerpen, drama dan novel sepatutnya dipelajari secara meluas di institusi pendidikan?” Maklum balas daripada survei itu disimpulkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1 Pandangan Umum Para Responden Terhadap Pendidikan Sastera Perpaduan di Institusi Pendidikan

Skala Persetujuan	Tingkatan IV (N=400)		Tingkatan IV (N=400)		Universiti (N=400)		Lepasan Ijazah (N=400)		Jumlah (N=1,600)	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Setuju	85	21.25	91	22.75	76	19.00	81	20.25	333	20.81
Setuju dengan sebab	173	43.25	193	48.25	209	52.25	154	38.50	729	45.56
Tiada komen	103	25.75	61	15.25	74	18.50	104	26.00	342	21.38
Tidak setuju	9	2.25	8	2.00	6	1.50	13	3.25	36	2.25
Tidak setuju dengan sebab	30	7.50	47	11.75	35	8.75	48	12.00	160	10.00
Jumlah	400	100.00	400	100.00	400	100.00	400	100.00	1600	100.00

Sebanyak 1,062 orang (66.48%) daripada 1,600 responden bersetuju dengan saranan pendidikan sastera perpaduan dilaksanakan di institusi pendidikan dengan 729 orang (45.69%) itu memberi sebab persetujuan. Angka itu boleh diterima sebagai konsensus masyarakat umum, walaupun masih ada 196 orang (12.25%) tidak bersetuju dan daripada jumlah itu seramai 160 orang (10%)



telah memberi sebab mereka. Mereka yang tidak memberikan sebab persetujuan atau sebab tidak setuju antara lain adalah disebabkan oleh faktor peribadi, malas berfikir dan menulis jawapan panjang, bahkan ada segelintir responden berpendapat soalan itu adalah isu sensitif.

Setelah dianalisis, adalah didapati kadar persetujuan itu berbeza-beza mengikut tahap pendidikan golongan sasaran yang dikaji: 64.5% pada pelajar menengah atas (Tingkatan IV), 71.25% pada pelajar menengah tinggi (Tingkatan VI), 71.25% pada mahasiswa universiti dan 58.75% pada guru lepasan ijazah. Graf persetujuan itu naik mengikut tahap pendidikan, tetapi turun di kalangan guru lepasan ijazah.

Menurut Ibrahim Saad (1986: 94), dengan pendidikan, cita-cita individu akan semakin tinggi dan pengetahuannya tentang politik semakin banyak. Oleh itu, semakin tinggi tahap pendidikan seseorang, semakin kurang dia menyokong kerajaannya. Dalam konteks kajian ini, guru lepasan ijazah memperlihatkan sifat paling kurang toleransi terhadap pendidikan sastera perpaduan. Mereka merupakan golongan responden yang paling keberatan untuk memberi maklum balas terhadap soalan yang dikemukakan kerana sibuk dengan tugas, selain itu mereka juga tidak ambil berat tentang isu pendidikan sastera yang dianggap tidak penting dalam kehidupan seharian mereka kecuali diajar sebagai satu mata pelajaran dalam bilik darjah.

Mahasiswa universiti didapati paling banyak bersetuju dengan saranan pendidikan sastera kebangsaan dilaksanakan, sementara guru lepasan ijazah pula yang paling sedikit yang bersetuju. Demikian juga halnya dengan bilangan responden yang memberikan sebab. Pelajar Tingkatan VI paling banyak menyertakan sebab (52.25%) berbanding mahasiswa universiti (48.75%), Tingkatan IV (43.3%), dan lepasan ijazah (38.56%).

Adalah biasa bagi mahasiswa universiti untuk menyatakan pendapat mereka terhadap sesuatu isu dalam kelas dan peperiksaan (Awang Had Salleh 1998). Sebaliknya guru lepasan ijazah adalah kurang melibatkan diri dalam proses pentadbiran sekolah memandangkan kebanyakan mereka hanya melaksanakan dasar-dasar Kementerian Pelajaran Malaysia (*Laporan Penggunaan Bahasa Malaysia di Institusi Awam* 1986: 168).

Di sini ingin ditambah sebab pelajar Tingkatan IV dan guru lepasan ijazah tidak memberi komen. Responden Tingkatan IV (25.75%) tidak memberi sebab mungkin mereka tidak tahu membuat keputusan lagi, maka banyak daripada mereka merasa ragu-ragu. Keengganan guru lepasan ijazah (26%) memberi komen mencerminkan sikap acuh tidak acuh, tidak peka mereka terhadap isu negara, sikap mementingkan diri sendiri, enggan bekerjasa dan sibuk dengan kerja.

Reaksi daripada responden yang tidak bersetuju dengan saranan itu ialah pelajar Tingkatan IV (9.75%), Tingkatan VI (13.75%), mahasiswa (10.25%) dan lepasan ijazah (15.25%). Di sini kelihatan pola kadar ketidaksetujuan terhadap saranan untuk menerapkan sastera perpaduan di institusi pendidikan

meningkat dari pelajar Tingkatan IV kepada Tingkatan IV, kemudian menurun di kalangan mahasiswa, tetapi meningkat semula di kalangan guru lepasan ijazah. Keadaan ini membimbangkan kerana guru lepasan ijazah merupakan golongan yang paling tinggi kadar ketidaksetujuan pada hal merekalah yang akan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan saranan itu sekiranya ia diterima dan diluluskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

PENGARUH LATAR BELAKANG SOSIAL RESPONDEN

Dalam kajian ini, faktor yang dilibatkan ialah etnik, jantina dan SES. Hasil maklum balas yang didapati telah disimpulkan dalam Jadual 2.

Berdasarkan Jadual 2 di bawah, orang Melayu kelihatan lebih bertoleran berbanding orang bukan Melayu: 79.88% orang Melayu dan 52.88% bukan

JADUAL 2 Maklumbalas Para Responden tentang Pengajaran Sastera Perpaduan di Institusi Pendidikan Berdasarkan Etnik

Responden (N=1,600)	Setuju		Setuju dengan sebab		Tiada Komen		Tidak Setuju		Tidak setuju dengan sebab	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Tingkatan IV (N=400)										
Melayu (N=200)	53	26.50	104	52.00	43	21.50	0	0.00	0	0.00
Bukan Melayu (N=200)	32	16.00	69	34.50	60	30.00	9	4.50	30	15.00
Jumlah	85	21.25	173	43.30	103	25.80	9	2.20	30	7.50
Tingkatan VI (N=400)										
Melayu (N=200)	41	20.50	123	61.50	28	14.00	0	0.00	8	4.00
Bukan Melayu (N=200)	50	25.00	70	35.00	33	16.50	8	4.00	39	19.50
Jumlah	91	22.75	193	48.25	61	15.25	8	2.00	47	11.75
Universiti (N=400)										
Melayu (N=200)	36	18.00	136	68.00	25	12.50	2	1.00	14	7.00
Bukan Melayu (N=200)	40	20.00	73	36.50	49	24.50	4	2.00	21	10.50
Jumlah	76	19.00	209	52.25	74	18.50	6	1.50	35	8.75
Lepasan Ijazah N=400)										
Melayu (N=200)	42	21.00	104	52.00	46	23.00	0	0.00	8	4.00
Bukan Melayu (N=200)	39	19.50	50	25.00	58	29.00	13	6.50	40	20.00
Jumlah	81	20.25	154	38.50	104	26.00	13	3.25	48	12.00

Melayu menyokong saranan pendidikan sastera perpaduan di institusi pendidikan; 4% orang Melayu dan 19.25% bukan Melayu yang membantah saranan tersebut, dan 8.88% orang Melayu dan 12.50% bukan Melayu tidak memberi sebab. Selain itu, juga didapati kadar persetujuan responden itu meningkat mengikut tahap pendidikan dari Tingkatan IV, Tingkatan VI, sehingga universiti, tetapi menjunam di kalangan guru lepasan ijazah, iaitu 78.50%, 82%, 86%, dan 73% di kalangan orang Melayu berbanding dengan 50.6%, 60%, 56.50%, dan 44.50% di kalangan bukan Melayu. Kadar persetujuan orang Melayu lebih tinggi daripada bukan Melayu kerana sastera perpaduan dalam kajian ini merujuk kepada sastera Melayu yang tentunya mendapat dukungan padu daripada orang Melayu sendiri. Dalam hal ini, mereka yang mendapat pendidikan yang lebih tinggi lebih menyambut baik saranan tersebut kecuali guru lepasan ijazah kerana saranan tersebut dianggap akan menambahkan beban tugas mereka.

Selanjutnya, bilangan responden yang menentang saranan itu juga meningkat mengikut tahap pendidikan, iaitu daripada 9.75% (Tingkatan IV) kepada 10.25% (Tingkatan VI) dan seterusnya kepada 13.75% (universiti) dan 15.25% (lepasan ijazah). Dalam hal ini, lebih banyak orang bukan Melayu yang menentang daripada orang Melayu: 19.50% (Tingkatan IV), 12.50% (Tingkatan VI), 21.50% (universiti), dan 26.50% (lepasan ijazah), berbanding kadar ketidaksetujuan orang Melayu iaitu pelajar Tingkatan IV 0%, Tingkatan VI sejumlah 4%, universiti 8% dan lepasan ijazah pada 4%.

Pemaparan perangkaan itu menjelaskan orang Melayu bersikap lebih toleran daripada orang bukan Melayu di semua peringkat pendidikan. Kadar persetujuan di kalangan orang Melayu juga lebih tinggi. Ini juga bermakna bahawa kadar penentangan mereka adalah lebih rendah daripada orang bukan Melayu. Perbezaan besar ini menyatakan kuatnya faktor etnik dalam mempengaruhi keputusan dan pemikiran responden di semua tahap pendidikan. Tidak ada pelajar Melayu di Tingkatan IV menentang saranan itu menyatakan mereka bersikap positif terhadap sastera. Tetapi pelajar di Tingkatan VI telah bersikap negatif. Ini boleh juga disebabkan mereka merasa beban sekiranya sastera dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu dan wajib peperiksaan. Peratusan responden yang menentang itu menurun di peringkat universiti kerana tidak banyak mahasiswa di universiti telah memilih bidang sastera. Guru lepasan ijazah juga tidak yang banyak menentang memikirkan saranan itu dapat menolong mengekalkan warisan bangsa, selain boleh memperkenalkan sastera kebangsaan secara meluas.

Daripada 639 responden Melayu yang menyokong, sebanyak 26.92% tidak mengajukan sebab, manakala sebanyak 38.06% daripada 423 orang bukan Melayu tidak mengatakan sebab. Ini juga berlaku pada mereka yang menentang: 1.88% daripada 34 orang Melayu dan 22.08% daripada 154 orang bukan Melayu tidak mengatakan sebab. Daripada temubual yang dijalankan, para responden yang tidak memberi sebab persetujuan adalah disebabkan mereka menganggap



saranan itu baik; sebaliknya mereka yang tidak memberikan sebab penentangan kerana mereka menganggap saranan itu menyangkut isu kaum yang sensitif, oleh itu mereka enggan memberi sebab.

Dari aspek lain, keadaan tersebut sekali lagi memperlihatkan sikap orang bukan Melayu yang bukan sahaja kurang bertoleran, malahan telah menentang saranan itu. Penentangan mereka diberi secara tertutup dalam erti kata peratusan mereka yang enggan atau tidak memberikan sebab adalah lebih tinggi berbanding orang Melayu.

Menyentuh mereka yang tidak mempunyai komen, orang bukan Melayu lebih tinggi peratusannya daripada Melayu di semua tahap pendidikan: 30% di kalangan orang bukan Melayu dan hanya 21.50% di kalangan orang Melayu (Tingkatan IV), bukan Melayu 16.50% dan Melayu 14% (Tingkatan VI), bukan Melayu 24.50% dan Melayu 12.50% (universiti), bukan Melayu 29% dan 23% (lepasan ijazah). Sikap orang bukan Melayu yang kurang prihatin terhadap pendidikan sastera mungkin disebabkan mereka menganggap sastera tidak penting, maka tidak perlu diberi perhatian. Namun, terdapat sebilangan kecil orang Melayu yang tidak ambil berat tentang isu pendidikan sastera perpaduan tersebut kerana mereka tidak yakin tentang peranan sastera kebangsaan dalam membentuk perpaduan nasional.

Rumusan yang didapati ialah orang Melayu lebih bertolak ansur berbanding dengan orang bukan Melayu. Ini mungkin disebabkan saranan tersebut berhubung rapat dengan kelangsungan kedudukan sastera Melayu di negara ini.

PENGARUH FAKTOR JANTINA

Perbezaan pandangan antara lelaki dan perempuan berhubung dengan pengajaran sastera perpaduan di institusi pendidikan ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 menunjukkan wanita adalah lebih toleran berbanding dengan lelaki: 72.87% wanita dan 62.38% lelaki menyokong dengan 9.88% wanita dan 14.63% lelaki menentang, dengan sebanyak 17.25% wanita dan sebanyak 23% lelaki tidak memberi sebab. Persetujuan kedua-dua jantina itu juga meningkat mengikut tahap pendidikan: daripada sebanyak 70.5% wanita dan sebanyak 58.5% lelaki di Tingkatan IV kepada 72.5% wanita dan 69.5% lelaki di Tingkatan VI) dan seterusnya kepada 77% wanita dan 65.5% lelaki di tahap universiti), tetapi menurun selepas ijazah iaitu sebanyak 61.5% wanita dan 56% lelaki.

Demikian juga dengan penentangan bagi kedua-dua jantina meningkat daripada sebanyak 7.5% wanita dan 12% lelaki di Tingkatan IV kepada 11% wanita dan 16.5% lelaki di Tingkatan VI, tetapi menurun di kalangan mahasiswa universiti (wanita 9%, lelaki 10%), dan meningkat semula di kalangan guru lepasan ijazah (wanita 12% dan lelaki 18.5%). Namun, responden wanita mencatat peratusan persetujuan yang lebih tinggi. Ini bermakna peratusan

JADUAL 3 Maklumbalas Para Responden tentang Pengajaran Sastera Perpaduan Nasional di Institusi Pendidikan Berdasarkan Jantina

Responden (N=1,600)	Setuju		Setuju dengan sebab		Tiada Komen		Tidak Setuju		Tidak setuju dengan sebab	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Tingkatan IV (N=400)										
Perempuan (N=200)	53	26.50	88	44.00	44	22.00	5	2.50	10	5.00
Lelaki (N=200)	32	16.00	85	42.50	59	29.50	4	2.00	20	10.00
Jumlah	85	21.25	173	43.30	103	25.80	9	2.20	30	7.50
Tingkatan VI (N=400)										
Perempuan (N=200)	41	20.50	114	52.00	33	16.50	3	1.50	19	9.50
Lelaki (N=200)	50	25.00	89	44.50	28	14.00	5	2.50	28	14.00
Jumlah	91	22.75	193	48.25	61	15.25	8	2.00	47	11.75
Universiti (N=400)										
Perempuan (N=200)	40	20.00	114	57.00	28	14.00	4	2.00	14	7.00
Lelaki (N=200)	36	18.00	95	47.50	46	23.00	2	1.00	21	10.50
Jumlah	76	19.00	209	52.25	74	18.50	6	1.50	35	8.75
Lepasan Ijazah (N=400)										
Perempuan (N=200)	40	20.00	83	41.50	33	16.50	8	4.00	16	8.00
Lelaki (N=200)	41	21.50	71	35.50	51	25.50	5	2.50	32	16.00
Jumlah	81	20.25	154	38.50	104	26.00	13	3.25	48	12.00

penentangan yang lebih rendah di kalangan responden wanita. Kajian Misran Rokimin (1997), Rohizani Yaakub (2001) dan Chew (2003) turut menunjukkan golongan wanita bersikap lebih bertoleran terhadap pendidikan sastera berbanding lelaki kerana mereka menggemari segala yang bersifat estetik dan indah termasuk karya sastera.

Selanjutnya, responden wanita kurang mengemukakan sebab-sebab persetujuan atau penentangan. Sebanyak 14.49% daripada 138 wanita dan 8.70% daripada 184 lelaki tidak memberikan sebab-sebab. Sebaliknya, daripada 563 wanita yang menyokong, 30.90% tidak menyatakan sebab berbanding 31.86% daripada 499 orang lelaki.

Perbezaan itu berkait rapat dengan perbezaan sifat dan tabii kedua-dua jantina ini. Wanita dianggap lebih bertoleran kerana mereka dididik supaya bersifat lemah lembut dan tidak menentang secara keras kerana secara semula jadi semua wanita akan berperanan sebagai ibu (Azizan Baharuddin 1997: 47). Hasilnya, wanita suka berdiam diri daripada menyatakan pendapat yang biasa dilakukan lelaki. Manakala golongan lelaki berperanan sebagai ketua keluarga lebih banyak terlibat dalam membuat keputusan, pembahagian kerja, melakukan

kerja berat, dan hubungan di luar keluarga. Kepentingan ini tidak didasarkan kepada peranan biologi semata-mata, tetapi lebih dipengaruhi oleh peranan sosial dan kekuasaan mereka serta perbezaan status yang wujud dalam peranan sosial itu.

PENGARUH FAKTOR SOSIOEKONOMI

Kadar persetujuan dan penentangan para responden daripada keluarga yang berbeza taraf sosioekonominya telah ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4 menunjukkan golongan kelas bawahan mempunyai prejudis yang paling tinggi. Prejudis itu menurun di kalangan responden daripada kelas menengah dan kelas atas. Lantaran itu, persetujuan daripada responden kelas bawahan adalah paling rendah (65.83%) berbanding 68.01% di kalangan

JADUAL 4 Maklumbalas Para Responden tentang Pengajaran Sastera Perpaduan di Institusi Pendidikan Berdasarkan Sosioekonomi

Responden (N=1,600)	Setuju		Setuju dengan sebab		Tiada Komen		Tidak Setuju		Tidak setuju dengan sebab	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Tingkatan IV (N=400)										
Kelas Rendah (140)	18	12.86	60	42.86	40	28.57	5	3.57	17	12.14
Kelas Menengah (113)	27	23.89	50	44.25	29	25.66	2	1.77	5	4.42
Kelas Atas (147)	37	25.17	66	44.90	34	23.13	2	1.36	8	5.44
Jumlah	85	21.25	173	43.30	103	25.80	9	2.20	30	7.50
Tingkatan VI (N=400)										
Kelas Rendah (195)	45	23.07	93	47.69	28	14.36	5	2.56	24	12.31
Kelas Menengah (95)	44	25.36	45	47.37	14	14.74	1	1.05	11	11.58
Kelas Atas (110)	22	20.00	55	50.00	19	17.28	2	1.82	12	10.91
Jumlah	91	22.75	193	48.25	61	15.25	8	2.00	47	11.75
Universiti (N=400)										
Kelas Rendah (141)	37	26.24	69	48.93	31	21.98	3	2.13	14	9.93
Kelas Menengah (129)	22	17.05	65	50.39	23	17.83	2	1.55	11	8.52
Kelas Atas (130)	17	13.08	75	57.69	20	15.30	1	0.77	10	7.69
Jumlah	76	19.00	209	52.25	74	18.50	6	1.50	35	8.75
Lepasan Ijazah (N=400)										
Kelas Rendah (83)	10	12.05	30	36.14	26	31.33	5	6.02	12	14.50
Kelas Menengah (110)	21	19.09	42	38.18	30	27.27	4	3.64	13	11.80
Kelas Atas (207)	50	24.15	82	40.10	48	23.19	4	1.93	23	11.10
Jumlah	81	20.25	154	38.50	104	26.00	13	3.25	48	12.00



responden kelas menengah dan 69% kelas atas. Ini juga bermakna responden dari kelas bawahan yang paling kuat menentang (15.20%) berbanding dengan 10.92% di kalangan responden kelas menengah (10.92%) dan 10.44% kelas atasan. Demikian juga dengan yang tidak memberi sebab: kelas bawah 22.61%, kelas menengah 21.48% dan kelas atas 20.37%.

Perbandingan antara para responden mengikut tahap pendidikan bagi kelas bawahan ialah 55.72% pada Tingkatan IV, 70.76% pada Tingkatan VI, 75.17% mahasiswa universiti, dan 48.19% di kalangan responden guru; kelas menengah sebanyak 68.14%, 72.63%, 67.44%, dan 57.27%, manakala kelas atas pula sejumlah 70.07%, 70%, 70.77%, dan 64.25%. Keadaan ini mungkin disebabkan kurangnya amalan membaca di kalangan responden kelas bawah dan guru lepasan ijazah pula sibuk dan tidak dapat meluangkan masa untuk membaca buku.

Sebaliknya kadar penentangan ketiga-tiga kelas semakin bertambah mengikut tahap pendidikan. Peratusan penentangan mengikut kelas dari Tingkatan IV, Tingkatan VI, universiti sehingga lepasan ijazah bagi kelas bawah ialah 15.71%, 12.06%, 14.87%, dan 20.52%; kelas menengah sebanyak 6.19, 10.07%, 12.63%, dan 15.44%; dan kelas atas setinggi 6.8%, 8.46%, 12.73%, dan 13.03%. Responden kelas bawah paling kuat menentang dan paling kuat menyetujui saranan pendidikan sastera perpaduan di institusi pendidikan. Mereka tidak berminat dalam pelajaran. Oleh sebab sentiasa bergelut dengan kesulitan hidup, mereka kurang memberi perhatian kepada pendidikan yang memakan belanja besar, malah menambah beban keluarga. Oleh itu, kebanyakan mereka berpuas hati dengan kelayakan sekolah menengah. Selain itu, sastera kebangsaan tidak mempunyai nilai ekonomi bagi mereka, lagipun tidak dapat menjamin prospek atau pekerjaan yang lumayan.

Sementara itu, didapati kelas bawah paling kuat menentang saranan pendidikan sastera kebangsaan di institusi pendidikan tanpa sebab. Perbandingan antara tiga kelas di empat tahap pendidikan ialah 3.57% (kelas bawah), 1.77% (kelas menengah), dan 1.36% (kelas atas) di Tingkatan IV. 2.56% (kelas bawah), 1.05% (kelas menengah) dan 1.82% di Tingkatan VI. 2.13% (kelas bawah), 1.55% (kelas menengah) dan 0.77% (kelas atas) di universiti, dan 6.02 (kelas bawah), 3.64% (kelas menengah) dan 1.93% (kelas atas) bagi guru lepasan ijazah.

Keadaan kurang menentu bagi golongan yang menyokong saranan tersebut tanpa sebab di mana kelas bawah paling banyak tidak mengajukan apa-apa alasan persetujuan mereka di peringkat universiti (26.24%) dan lepasan ijazah (31.33%). Kelas bawah kedua-dua golongan responden ini lebih memberikan perhatian kepada aspek-aspek lain dan kurang minat menyatakan pandangan masing-masing. Bagaimanapun, rata-rata kelas ini menyokong saranan tersebut kerana menganggap ia "cadangan yang baik dan boleh dilaksanakan". Oleh itu, mereka malas untuk memikirkan sebab-sebab berkenaan secara mendalam.



Pelajar yang tidak menyatakan sebab di Tingkatan IV kebanyakannya datang dari kelas atasan (25.17%). Ini mungkin responden kelas atasan di peringkat umur 16 tahun belum nampak kepentingan pendidikan sastera perpaduan kerana kebanyakan ibu bapa mereka ialah golongan profesional yang tidak berkaitan dengan sastera. Sementara itu, kelas menengah (25.26%) Tingkatan VI paling banyak bersetuju walaupun tidak menyatakan sebab. Ini mungkin disebabkan mereka beranggapan bahawa saranan tersebut perlu dilaksanakan tanpa banyak soal kerana dipercayai pendidikan sastera kebangsaan boleh membentuk perpaduan nasional.

Namun, responden kelas bawah paling tinggi peratusannya tidak menyatakan sebab. Peratusannya mengikut kelas bawah, menengah dan atas adalah sebanyak 28.57%, 25.66%, dan 1.36% di Tingkatan IV, 21.98%, 14.36%, 14.74% dan 17.28% di Tingkatan VI, 17.83%, dan 15.30% di universiti, dan 31.33%, 27.27%, dan 23.19% bagi lepasan ijazah. Sikap tidak acuh kelas bawah terhadap isu pendidikan sastera di semua tahap pendidikan mungkin kerana perkara itu tidak berkaitan dengan *survival* mereka, kecuali pelajar Tingkatan VI di mana kelas atas paling banyak yang tidak memberi apa-apa komen.

Daripada analisis tersebut, dapat dirumuskan bahawa SES adalah faktor yang tidak kurang pengaruhnya dalam menentukan keputusan dan maklum balas para responden dari peringkat sekolah menengah sehingga lepasan ijazah. Selain itu, responden dari kelas bawahan juga didapati tidak toleran berbanding kelas menengah dan kelas atas mengenai saranan pendidikan sastera pendidikan di institusi pendidikan.

SEBAB-SEBAB PERSETUJUAN

Kajian ini juga telah juga mengumpul alasan-alasan yang dikemukakan oleh responden yang bersetuju dengan saranan pendidikan sastera kebangsaan di institusi pendidikan. Jadual 5 memberi ringkasan alasan tersebut.

Jadual 5 menunjukkan 25.51% responden yang menyokong saranan itu mengatakan bahawa unsur-unsur perpaduan dalam karya sastera dapat membawa ke arah perpaduan. Ini disebabkan sastera mempunyai peranan untuk menyatukan semua rakyat tanpa kira etnik, jantina dan SES. Responden dari Tingkatan IV telah menunjukkan kadar persetujuan yang paling tinggi (37.57%). Peratusan itu menurun selari dengan peningkatan tahap pendidikan responden: 28.23% untuk Tingkatan VI, 21.76% bagi mahasiswa universiti, dan 12.99% oleh guru lepasan ijazah. Ini bermakna peranan sastera kebangsaan tersebut kurang dipersetujui responden yang berpendidikan tinggi terutama guru lepasan ijazah.

Namun, sebanyak 13.72% responden yang menyokong saranan tersebut berpendapat pendidikan sastera perlu dimulakan sejak awal di sekolah rendah lagi. Perkara ini dipandang berat oleh responden yang berpendidikan tinggi yang menyedari kepincangan sistem pendidikan negara; sastera hanya diajar

JADUAL 5 Sebab-sebab Menyetujui Pendidikan Sastera Perpaduan di Institusi Pendidikan

Sebab-sebab (N=729)	Tingkatan IV		Tingkatan VI		Universiti		Lepasan Ijazah		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1. Sastera dapat melahirkan masyarakat yang bersatupadu	65	37.57	59	28.23	42	21.76	20	12.99	186	25.51
2. Sastera perlu diajar sejak kecil	18	10.40	20	9.57	32	16.58	30	19.48	100	13.72
3. Sastera dapat menerapkan nilai murni dan semangat nasionalisme	14	8.09	27	12.92	29	15.02	8	5.19	78	10.70
4. Cadangan baik	14	8.09	29	13.88	13	6.74	15	9.74	71	9.74
5. Peranan institusi pendidikan penting untuk memupuk perpaduan	0	0.00	23	11.00	17	8.81	0	12.99	60	8.23
6. Cara memahami budaya masyarakat lain	8	4.62	11	5.26	10	5.18	6	3.90	35	4.80
7. Wajar dihayati dan dipraktikkan	0	0.00	9	4.31	11	5.70	7	4.54	27	3.70
8. Sastera mempengaruhi pemikiran orang ramai	4	2.31	1	0.48	15	7.77	5	3.25	25	3.43
9. Perlu dilaksanakan secara berperingkat	3	1.73	11	5.26	2	1.04	9	5.84	25	3.43
10. Sastera adalah warisan yang perlu dihormati dan dipelajari	8	4.62	1	0.48	1	0.52	10	6.49	20	2.74
11. Sastera dapat meningkatkan martabat bahasa Melayu	2	6.94	8	3.83	0	0.00	0	0.00	20	2.74
12. Memupuk minat pelajar terhadap sastera	3	1.73	2	0.96	2	1.04	7	4.54	14	1.92
13. Etnik lain dapat lebih mendalami ilmu sastera	3	1.73	7	3.35	3	1.55	0	0.00	13	1.78

JADUAL 5 (sambungan)

14. Memberi kesedaran tentang pentingnya sastera	3	1.73	0	0.00	0	0.00	9	5.84	12	1.65
15. Perpaduan penting untuk kedamaian sejagat	4	2.31	0	0.00	3	1.55	4	2.60	11	1.51
16. Sastera boleh dijadikan panduan dan teladan	4	2.31	0	0.00	6	3.11	0	0.00	10	1.37
17. Melahirkan bakal pemimpin yang baik	4	2.31	0	0.00	2	1.04	3	1.95	9	1.23
18. Meningkatkan kedudukan sastera	6	3.47	0	0.00	3	1.55	0	0.00	9	1.23
19. Malaysia tidak akan menghadapi masalah perkauman	0	0.00	0	0.00	2	1.04	1	0.65	3	0.41
20. Malaysia negara berbilang kaum		0.00	1	0.48	0	0.00	0	0.00	1	0.14
Jumlah	173	100.00	209	100.00	193	100.00	154	100.00	729	100.00

secara formal di sekolah menengah oleh semua pelajar melalui komponen sastera (KOMSAS) dalam bahasa Melayu sejak tahun 2000. Sebelum itu, sastera adalah subjek elektif bagi pelajar tingkatan IV yang lemah dalam keputusan PMR. Pelajar sekolah rendah tidak didedahkan tentang sastera secara sistematik dan terancang, walaupun sekolah rendah adalah masa keemasan untuk membentuk keperibadian seseorang. Keadaan ini bertambah rumit dengan wujudnya aliran sekolah mengikut etnik. Ini bererti perlu dicari alternatif untuk memperbaiki hubungan antara etnik di Sekolah Rendah Kebangsaan dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Di sini, pembelajaran sastera perpaduan sejak sekolah rendah merupakan strategi yang bijak.

Dalam kajian ini, 10.70% responden mengatakan karya sastera boleh memupuk nilai murni seperti semangat nasionalisme dan cintakan negara yang menjadi teras bagi penyatuan semua etnik di seluruh Malaysia. Justeru itu saranan ini diterima baik oleh semua responden kecuali pelajar Tingkatan IV. Mereka berpendapat institusi pendidikan adalah mekanisme yang ampuh bagi mewujudkan semangat kekitaan dan hubungan muhibah semua etnik, walaupun tidak mengemukakan sebab. Ini mungkin disebabkan mereka belum dapat berfikir secara matang tentang peranan itu kecuali 4.8% responden sahaja yang menyatakan sebab.

Antara sebab lain yang diberikan oleh responden ialah mereka dapat memahami corak kehidupan, adat resam, dan kebudayaan masyarakat lain.

Dengan itu, tidak akan timbullah perselisihan atau salah faham antara etnik tentang sesetengah amalan hidup yang bertentangan, terutamanya dari segi agama dan kepercayaan serta makanan. Dengan adanya persefahaman, semua etnik akan saling menghormati dan tidak lagi menaruh syak wasangka atau menganggap etnik lain cuba mencabar kewibawaan suatu etnik lain. Selain itu, mereka boleh menghayati dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian dan tidak hanya tinggal sebagai teori semata-mata. Begitulah harapan para responden Tingkatan VI, universiti dan lepasan ijazah kerana mereka menyedari kepentingan amalan setelah membaca. Namun sebanyak 3.43% responden berharap cadangan ini tidak dilaksanakan secara drastik sehingga menimbulkan beban tambahan kepada beban tugas dan subjek yang banyak dipelajari di sekolah.

Namun, dengan menawarkan sastera perpaduan di institusi pendidikan, pelajar tidak kira alirannya akan terdedah kepada ilmu sastera secara formal. Adalah diharapkan lebih banyak orang akan memanfaatkan sastera kebangsaan yang tidak seharusnya menjadi milik sekumpulan orang. Alasan-alasan lain ialah sastera dapat menyedarkan masyarakat tentang kepentingan sastera (1.65%), sastera dapat dijadikan panduan dan teladan (1.37%), dapat melahirkan bakal pemimpin yang sempurna (1.23%), usaha itu dapat meningkatkan kedudukan sastera (1.23%), masyarakat Malaysia tidak akan menghadapi masalah perkauman (0.41%), lebih-lebih lagi Malaysia adalah negara berbilang kaum (0.14%). Dalam kajian ini, sebanyak 13.72% responden berpendapat bahawa pendidikan sastera perpaduan perlu dilaksanakan sejak kecil untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu..

SEBAB-SEBAB MENENTANG

Untuk melengkapkan kajian, perlu meninjau sebab-sebab penentangan daripada responden yang lain. Makluman yang didapati sehubungan itu telah ditunjukkan dalam Jadual 6.

JADUAL 6 Sebab-sebab Tidak Menyetujui Pendidikan Sastera Perpaduan di Institusi Pendidikan

Sebab-sebab (N=160)	Tingkatan IV		Tingkatan VI		Universiti		Lepasan Ijazah		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1. Teori sahaja tidak memberi kesan	0	0.00	9	25.71	19	0.42	19	9.58	47	29.38
2. Cara lain adalah lebih berkesan	0	0.00	0	0.00	9	9.15	11	2.92	20	12.50

JADUAL 6 (sambungan)

3. Membazir masa kerana membosankan	5	16.67	7	20.00	4	8.51	0	0.00	16	10.00
4. Membebankan mereka yang tidak minat	0	0.00	10	28.57	0	0.00	3	6.25	13	8.12
5. Paksaan akan menyebabkan pelajar kehilangan minat	3	10.00	2	5.71	6	12.76	0	0.00	11	6.88
6. Tidak mendatangkan faedah dan jaminan masa depan	7	23.33	3	8.57	0	0.00	0	0.00	10	6.25
7. Sastera tidak penting dalam hidup	7	23.33	2	5.71	0	0.00	0	0.00	9	5.62
8. Dasar kerajaan tidak adil	0	0.00	0	0.00	0	0.00	9	18.75	9	5.62
9. Terlalu sukar dipelajari dan tidak difahami	4	13.33	0	0.00	0	0.00	3	6.25	7	4.38
10. Bergantung kepada individu	0	0.00	0	0.00	6	12.76	0	0.00	6	3.72
11. Tema tidak penting, yang penting adalah isi dan teknik	2	6.67	0	0.00	0	0.00	0	0.00	2	1.25
12. Sistem pendidikan tidak adil	0	0.00	1	2.86	0	0.00	1	2.08	2	1.25
13. Teks sekolah hanya berpusatkan dunia Melayu dan mendukung rasisme	1	3.33	0	0.00	0	0.00	0	0.00	1	0.62
14. Sastera tidak sesuai untuk pelajar sains	1	3.33	0	0.00	0	0.00	0	0.00	1	0.62
15. Merumitkan keadaan dan menegangkan hubungan kaum	0	0.00	1	2.86	0	0.00	0	0.00	1	0.62
16. Menyusahkan guru dan pelajar	0	0.00	0	0.00	1	2.13	0	0.00	1	0.62
17. Bukan semua orang suka membaca	0	0.00	0	0.00	1	2.13	0	0.00	1	0.62
18. Tidak berguna kepada buta huruf	0	0.00	0	0.00	1	2.13	0	0.00	1	0.62
Jumlah	30	100	35	100	47	100	48	100	160	100.00



Sebanyak lapan belas sebab telah diberi. Yang paling banyak mendapat reaksi secara negatif itu ialah pendidikan sastera perpaduan yang bersifat teori semata-mata dan terlalu berorientasikan peperiksaan itu tidak memberi kesan kepada pelajar untuk menghayati makna perpaduan dalam sastera. Sebanyak 29.38% responden dari keempat-empat tahap pendidikan berpandangan demikian. Sebab kedua penting yang mendapat banyak respons ialah sastera tidak berkesan untuk membina masyarakat muhibah berbanding cara lain. Sebanyak 12.5% responden berpandangan demikian. Selanjutnya 10% responden berpandangan sastera membosankan dan pembelajaran sastera adalah membazir masa (10%). Hal ini boleh dikaitkan dengan pemilihan teks sastera di sekolah yang tidak menarik atau pendekatan guru yang membosankan pelajar. Seorang pelajar Tingkatan IV tidak puas kerana teks sastera di sekolah tertumpu kepada sastera Melayu, lagipun novel *Bukit Kepong* mengisahkan permusuhan antara tentera Melayu dengan komunis Cina. Ini menimbulkan rasa tidak senang kedua-dua etnik.

Kesimpulan daripada perbincangan di atas menunjukkan para responden menganggap tulisan dalam bentuk karya sastera tidak berkesan dalam melahirkan perpaduan nasional, sebaliknya amalan dalam kehidupan adalah lebih penting daripada segala-galanya. Oleh itu, mereka menentang kuat saranan pendidikan sastera perpaduan di institut pendidikan. Malahan mereka mengesyorkan cara-cara lain yang lebih berkesan.

PERBINCANGAN

Hasil kajian ini mendapati 66.48% responden khususnya pelajar aliran sastera, berpandangan sastera kebangsaan memainkan peranan dalam pembentukan perpaduan nasional. Ilmu ini perlu disampaikan kepada semua pelajar tanpa kira aliran kerana mereka adalah pewaris tampuk pemerintahan negara ini tanpa mengira aliran pengajian. Setelah tamat pengajian di institusi pendidikan, mereka tidak lagi hidup semata-mata dalam aliran tertentu.

Melalui pembelajaran sastera perpaduan, mereka juga perlu diasuh dengan kehalusan jiwa dan ketulusan budi semasa berurusan dengan orang lain. Dalam era globalisasi ini, pembentukan keperibadian insan selaras dengan pembangunan kemanusiaan, amat memerlukan kesempurnaan jiwa dan rohani yang antara lain boleh dicapai melalui sastera (Misran Rokimin 1999: 224).

Dengan menerapkan pendidikan sastera secara meluas, pelajar dan pembaca akan terdedah kepada budaya dan cara hidup masyarakat etnik lain. Ini sangat membantu usaha saling memahami dan merapatkan kefahaman antara budaya dan perpaduan mereka (Janak Pandey & rakan-rakan 1996: 86). Hasil kajian ini diperkukuhkan pendapat Gajendra K. Verma & Christopher Bagley (1979, 1984) bahawa pengajaran tentang hubungan etnik di institusi pendidikan kepada golongan remaja akan memupuk sifat toleran sesama sendiri berbanding mereka yang tidak terdedah tentang ilmu tersebut.



Dalam hal ini, komponen sastera (KOMSAS) dalam Bahasa Melayu, misalnya boleh dimanfaatkan untuk tujuan perpaduan nasional tersebut. Namun, ada sebahagian responden bersetuju bahawa pendidikan sastera secara meluas tanpa mewajibkannya kerana usaha ini dianggap “memaksa” mereka mempelajari sastera Melayu, akan menemui kegagalan. Mereka ingin sastera dipelajari dalam suasana gembira, tanpa paksaan dan peperiksaan (Jadual 6). Di sini timbul penentangan, lebih-lebih lagi mata pelajaran KOMSAS telah menambah beban mereka untuk membaca dan menghafal untuk tujuan peperiksaan, dan bukannya betul-betul menghayati nilai estetika sastera itu sendiri.

Tetapi, sekiranya KOMSAS itu tidak diwajibkan, pelajar tidak akan serius terhadap subjek ini. Dilema ini sama seperti pengajaran subjek Pendidikan Moral di peringkat sekolah menengah rendah. Walaupun pelajar bukan Melayu wajib mengambil peperiksaan, mereka tidak acuh terhadapnya kerana subjek itu tidak penting, lagipun tidak diambil kira sebagai penentu gred sijil PMR. Namun, Pendidikan Moral diambil semata-mata untuk memenuhi syarat sekurang-kurangnya ada lapan subjek dalam peperiksaan PMR. Keadaan ini wujudnya kerana masyarakat kita sedang berdepan dengan keadaan kegawatan wujudnya nilai berganda antara sekolah, rumah dan masyarakat (Zarin Ismail 1999: 291).

Selanjutnya, responden bersetuju bahawa sastera perpaduan perlu diajar sejak kecil. Dalam soal ini, Anuar Zaini Md Zain mengesyorkan supaya sistem pendidikan negara dikaji semula dan diperbaiki kerana sikap dan nilai integrasi itu sepatutnya disemaikan dengan mendalam di peringkat sekolah rendah (Abdul Rahman Embong 2002: 12). Kesemua itu disebabkan sastera adalah bidang ilmu yang mudah diterima, selain dapat memperkaya nilai budi dan pemikiran pelajar sekolah rendah, lagipun zaman kanak-kanak adalah masa keemasan untuk menanam sikap bertolak ansur, saling menghormati dan memahami, sesuatu yang baik mudah ditanam dalam diri mereka dan mereka akan terus mengamalkannya sehingga ke akhir hayat (Nik Safiah Karim 1990: 87), kerana sikap dan telatah kaum remaja bukan sahaja boleh dilentur, tetapi juga sukar diubah setelah terbentuk (Bettelheim dan Jonawitz 1964: 8-10).

CADANGAN PENDIDIKAN SASTERA DALAM MEMUPUK PERPADUAN NEGARA

Soalan kedua yang dikemukakan dalam soal selidik berbunyi: “Berikan cadangan-cadangan anda untuk meningkatkan usaha pendidikan sastera kebangsaan dalam melahirkan masyarakat yang bersatu padu di Malaysia”. Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh keempat-empat golongan responden kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 7.

Secara keseluruhannya, ada tiga belas cadangan telah dikemukakan responden dalam Jadual 7. Cara yang disambut baik ialah menggalakkan

JADUAL 7 Cadangan-cadangan Para Responden untuk Memperkukuhkan Hubungan Muhibah Masyarakat Malaysia Melalui Pendidikan Sastera Kebangsaan

Sebab-sebab	Tingkatan IV		Tingkatan VI		Universiti		Pasca Ijazah		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1. Menggalakan pengajaran sastera	23	4.42	79	11.35	38	5.18	62	9.84	202	7.83
2. Wajib dalam institusi pendidikan	22	4.23	28	4.02	49	6.68	20	3.17	119	4.61
3. Mengajar sastera sejak kecil	29	5.58	21	3.02	23	3.13	37	5.87	110	4.26
4. Penyampaian yang menarik	36	6.92	23	3.30	27	3.68	16	2.54	102	3.95
5. Menyemai minat suka membaca	31	5.96	17	2.44	19	2.59	4	0.63	71	2.75
6. Mengadakan lebih banyak kelas sastera	35	6.73	0	0.00	0	0.00	0	0.00	35	1.37
7. Tiada paksaan untuk mempelajari sastera	12	2.31	6	0.86	4	0.55	0	0.00	22	0.85
8. Pilih buku sastera yang menarik	3	0.58	0	0.00	0	0.00	15	2.38	18	0.70
9. Pendidikan sastera di rumah	1	0.02	9	1.29	3	0.41	2	0.32	15	0.58
10. Pemimpin negara tunjukkan teladan	0	0.00	2	0.29	5	0.68	4	0.63	11	0.43
11. Tenaga pengajar bukan Melayu perlu diambil	1	0.02	0	0.00	0	0.00	5	0.79	6	0.23
12. Peranan ahli akademik, dan sarjana mengembangkan sastera	0	0.00	0	0.00	2	0.27	3	0.48	5	0.19
13. Memberi peluang belajar dan pekerjaan yang lebih luas kepada pelajar sastera	0	0.00	1	0.14	1	0.14	0	0.00	2	0.08
Jumlah	193	26.9	185	25.9	171	23.8	168	23.4	718	100.0



pengajaran subjek sastera (7.83%) dan mewajibkan sastera di institusi pendidikan (4.61%), mendedahkan ilmu sastera sejak kecil (4.26%), penyampaian yang menarik (3.95%) dan usaha memupuk minat membaca karya sastera (2.75%).

Antara empat golongan responden, pelajar Tingkatan IV memberi cadangan agar guru menggunakan pendekatan yang menarik (6.92%) sebagai faktor paling penting mempengaruhi penerimaan pelajar. Berlainan dengan pelajar Tingkatan VI (11.35%) dan guru lepasan ijazah (9.84%) yang meletakkan cadangan utama kepada menggalakkan pengajaran subjek sastera di institusi pendidikan. Ini mencerminkan kecenderungan pemikiran dua golongan ini yang positif ke arah menyebarkan luas ilmu sastera kepada semua pelajar tanpa kira aliran kelas. Mereka sama-sama menganggap sastera harus diajar dan dipelajari bersama secara meluas memandangkan sastera berfungsi sebagai alat perpaduan nasional.

Sementara itu, mahasiswa universiti lebih lantang menyuarakan keinginan mereka mewajibkan subjek sastera di semua institusi pendidikan sebagai cadangan paling berkesan dalam kelompok B. Pada mereka, subjek bukan wajib tidak akan dipelajari secara serius pelajar, apatah lagi untuk menghayatinya. Mereka menganggap sastera perlu diwajibkan. Namun, cadangan ini bukan pilihan utama pelajar Tingkatan IV (4.23%) kerana mereka berpendapat bahawa mewajibkan sastera akan memberi kesan negatif terhadap psikologi mereka.

Selain itu, responden juga sependapat bahawa ilmu sastera perlu diajar sejak kecil (4.26%). Kanak-kanak lebih tertarik kepada cerita dongeng dalam proses pembelajaran. Sehubungan itu, ibu bapa dan guru perlu bijak memilih buku sastera yang menarik untuk menanam minat mereka berterusan sehingga dewasa.

Menyentuh pendidikan sastera perpaduan sejak kecil, ada seorang guru lepasan ijazah telah memberi pandangan yang sangat membina. Dia menyarankan pemilihan bahan bacaan sastera perlu berdasarkan umur dan tahap pendidikan secara berperingkat-peringkat. Di peringkat sekolah rendah, kanak-kanak perlu didedahkan kepada karya sastera yang mencerminkan kehidupan etnik lain, tidak kira bahasa pengantarnya. Karya sedemikian dipercayai dapat mendekatkan diri pelajar untuk mengenali cara hidup, adat resam, kebudayaan dan kepercayaan etnik lain, memandangkan mereka tidak berpeluang berinteraksi di bawah satu bumbung sekolah yang sama.

Pembacaan bahan sastera kemudian dipertingkatkan kepada kisah yang mencerminkan masyarakat berbilang etnik yang hidup harmoni di Malaysia apabila pelajar memasuki bangku sekolah menengah. Di peringkat ini, mereka berpeluang untuk berkontak etnik lain secara amalan. Hasil pembacaan dan pengetahuan sejak sekolah rendah itu membuat mereka dapat bergaul dengan etnik lain dengan lebih toleran kerana sudah mempunyai persefahaman asas tadi. Persefahaman antara etnik boleh ditingkatkan selari dengan peningkatan



penghayatan karya sastra di institusi pengajian tinggi dengan mahasiswa digalakkan membaca sastra dunia berkenaan hubungan etnik. Proses berterusan dan berpanjangan ini dapat memupuk jalinan silaturahim, asas penting dalam usaha pembinaan negara moden.

Pelajar Tingkatan IV memandang berat peranan guru sastra di sekolah. Guru adalah fasilitator utama untuk membuat sastra menjadi subjek yang menarik. Yang penting ialah guru harus bijak menggunakan bahan sastra untuk menyemai nilai perpaduan di jiwa pelajar. Seorang responden Tingkatan IV menyatakan “pilih guru yang pandai, muda dan cantik agar pelajar bersemangat semasa belajar. Jangan letak guru tua, hodoh dan berleter sepanjang masa dan menyebabkan pelajar bencikan guru sastra”. Pendapat itu menggambarkan kesan psikologi murid terhadap penerimaan guru mengajar sastra.

Secara umum, pandangan responden itu berbeza tertakluk kepada tahap pendidikan. Perbezaan itu ketara terutamanya mengenai pandangan yang “luar biasa” atau tidak terfikir oleh responden lain. Pandangan itu jelas menampakkan sejauh mana kreatif dan kritikalnya pandangan responden.

Disebabkan pendedahan dan pengalaman yang kurang, pelajar Tingkatan IV memberi cadangan yang kurang bernas, termasuk menyediakan kursus sastra kepada pekerja (mungkin tidak disambut baik kerana tidak ada kaitan), berinteraksi dalam bahasa sastra (tidak praktikal dan mungkin tidak difahami), dan membuka lebih banyak kelas sastra di sekolah (tidak boleh jadi kerana tidak ramai pelajar yang meminati sastra elektif kerana bahasa Melayu sudah mempunyai KOMSAS). Namun, ada seorang pelajar Tingkatan IV sependapat dengan 5 orang guru lepasan ijazah agar tenaga pengajar sastra diajar oleh etnik lain. Cadangan ini boleh diterima memandangkan semakin banyak orang bukan Melayu telah mengikuti bahasa dan sastra Melayu. Memberi peluang kepada orang bukan Melayu dapat meruntuhkan prasangka stereotaip pelajar selama bahawa sastra Melayu milik orang Melayu

Selain itu, ada cadangan lain yang kurang popular tetapi unik telah ditemui dalam kajian ini. Antaranya responden Tingkatan VI dan universiti mencadangkan agar pelajar aliran sastra diberi peluang belajar dan pekerjaan yang lebih luas. Ini berkait rapat dengan prospek sastra. Masyarakat umum menganggap sastra tidak penting justeru tidak boleh memberi jaminan untuk pekerjaan, pendapatan dan masa depan yang cerah. Ini terbukti daripada maklumbalas responden kajian ini. Untuk mengikis persepsi negatif itu, pelajar aliran sastra harus diberi layanan yang sama seperti pelajar aliran sains dari pelbagai segi. Dengan adanya jaminan tersebut, nescaya masa depan sastra adalah cerah.

Selain itu, semakin tinggi tahap pendidikan, cadangan yang diberi responden semakin kurang; pelajar Tingkatan IV 26.9% turun kepada 25.9% bagi pelajar Tingkatan VI, mahasiswa universiti 23.8% menurun kepada 23.4% di kalangan guru lepasan ijazah. Guru lepasan ijazah didapati yang paling sedikit yang memberi cadangan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, ketiga-tiga faktor sosial, iaitu etnik, jantina dan SES besar pengaruhnya ke atas minda, persepsi dan tanggapan responden terhadap sastera perpaduan. Daripada hasil kajian ke atas ketiga-tiga faktor itu adalah didapati perpaduan perlu bersandarkan kontak yang akan membawa kepada interaksi, kerjasama, akomodasi, atau asimilasi. Kajian Emerson (1964), Rabushka (1973), Ibrahim Saad (1981), Brenan (1982), Sanusi Osman (1989) dan Adnan Kamis (1991) juga menunjukkan keharmonian di Malaysia adalah hasil daripada kontak tersebut. Walaupun kajian ini bersifat mikro kerana mengambil responden daripada institusi pendidikan sahaja, tetapi kontak antara orang Melayu dengan bukan Melayu, tidak kira jantina dan kedudukan sosio-ekonomi, mempunyai toleran yang lebih tinggi terhadap sastera perpaduan. Ini adalah asas yang baik kepada perpaduan.

Selain itu, penglibatan responden daripada empat tahap pendidikan yang berbeza dalam kajian ini telah menghasilkan penemuan yang menarik: guru lepasan ijazah, tidak kira etnik, jantina dan SES adalah paling kuat menentang pendidikan sastera perpaduan di institusi pendidikan, dan paling sedikit memberi cadangan untuk mencapai hubungan muhibbah melalui pendidikan sastera perpaduan. Adakah perkara itu ada kaitan dengan sistem pendidikan negara? Setelah mendapat ijazah, mereka terikat kepada tanggungjawab di sekolah dan rumahtangga, lantas tidak berminat dengan isu negara, seperti perpaduan negara. Selain itu, pelajar sekolah menengah didesak ibu bapa untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan dan mengalami tekanan jiwa.

Kajian ini juga mendapati orang ramai sangat inginkan negara ini bersatu padu. Kajian ini mendapati sokongan kuat daripada responden terhadap pendidikan sastera perpaduan. Dalam hal ini, faktor etnik, jantina dan SES kuat mempengaruhi persepsi, pandangan dan pemikiran responden. Sehubungan itu, sastera perpaduan juga didapati penting sebagai alat penyebatian untuk membentuk perasaan muhibbah, tolerean dan seterusnya membentuk perpaduan nasional. Sikap negatif khalayak terhadap sastera perpaduan harus diubah dengan menitikberatkan pendidikan sastera di sekolah. Oleh itu, responden telah memberi tiga belas cadangan agar pendidikan sastera kebangsaan menjadi lebih berkesan untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu. Cadangan itu adalah:

1. Menggalakan pengajaran sastera
2. Diwajibkan dalam semua institusi pendidikan
3. Mengajar sastera sejak kecil
4. Penyampaian yang menarik
5. Menyemai minat suka membaca
6. Mengadakan lebih banyak kelas sastera
7. Tiada paksaan untuk mempelajari sastera

8. Pemilihan buku sastera yang menarik
9. Pendidikan sastera di rumah
10. Pemimpin negara menunjukkan teladan
11. Tenaga pengajar bukan Melayu perlu diambil untuk mengajar sastera Melayu
12. Peranan ahli akademik dan sarjana mengembangkan sastera
13. Memberi peluang belajar dan pekerjaan yang lebih luas kepada pelajar sastera

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2002. Pendidikan Landasan Pembentukan Negara Bangsa. *Dewan budaya*, September: 11-13.
- Adnan @ Nan Kamis. 1991. Satu Kajian Latar Belakang Sosial dan Hubungannya Kepada Sikap Prasangka atau Toleran Terhadap Integrasi Nasional. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alken, S. R, Jackson, J. C., & Rudner, M. 1994. *Pembangunan dan Persekitaran di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizan Baharuddin. 1997. Perbandingan dengan Dunia Luar. DLM. Sa'adiah Hassan & Endang Erwani Md. Dom (ed.). *Martabat Wanita dan Tuntutan abad ke-21*: 41-64. Kuala Lumpur: Institusi Perkembangan Minda (INMIND).
- Bettelheim B. & M. Janowitz. 1964. *Social Change and Prejudice: Dynamics of Prejudice*. New York: The Free Press.
- Brenan, M. 1982. Class, Politics and Race in Modern Malaysia. *Journal of Contemporary Asia* **12**: 82-101.
- Comber, L. 1985. *Peristiwa 13 Mei: Sejarah Perhubungan Melayu-Cina*. Petaling Jaya: International Book Store.
- Emerson, R. 1964. *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hirschman, C. 1975. *Ethnic and Social Stratification in Peninsular Malaysia*. Washington: American Sociological Association.
- Ibrahim Saad. 1979. The Impact of National Medium School on Attitude Related to National Integration in Peninsular Malaysia. Tesis Ph.D. Universiti of Wisconsin-Madison.
- _____. 1981. Competing Identities in a Plural Society: The Case of Peninsular Malaysia. Monograf. Institute of Southeast Asian Studies. Singapore: Eurasia Press.
- _____. 1986. *Pendidikan dan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Penggunaan Bahasa Malaysia Dalam Institusi Kerajaan*. 1986. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Misran Rokimin. 1997. *Mereka yang Tertewas: Satu Kajian Teks dan Hubungannya dengan Latar Belakang Sosial Pelajar*. Tesis Dr. Fal. Univeristi Kebangsaan Malaysia.
- _____. 1999. Era Globalisasi: Pendidikan Sastera masih Adakah Kepentingan lagi? *Prosiding Isu-isu Pendidikan Negara*. **1**: 220-237.



- Nik Safiah Karim. 1999. Domain Kawalan Bahasa Melayu: Sejarah Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia. DLM. Gagliano, F., Flournoy, A., McGinn, R., Van der Veur, Mulliner, K., Ploghoft, K., & Frazee, P. (ed.). *Perancangan Bahasa di Asia Tenggara*: 172-192. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pandey, J., Sinha, D. & Bhawuk, D. P. S. 1996. *Asian Contribution of Cross-cultural Psychology*. New Delhi: Sage Publication.
- Parsons, T. 1947. *The Theory of Sociology and Economics Organisation*. New York: Free Press.
- Rabushka, A. 1973. *Communalism and the Political Process in Malaya*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Robiah Sidin & rakan-rakan. 1989. The Study of National Integration in the School Setting in Malaysia. Report to Education of Ministry of Malaysia and World Bank. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohizani Yaakub. 2001. Sastera Membina Bangsa: Satu Analisis Persepsi Pelajar Terhadap Teks Drama dalam Pendidikan. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sanusi Osman. 1989. *Ikatan Etnik dan Kelas di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan Poo Chang, Halimah Awang & Ng Sor Tho. 1993. *Pengenalan Statistik*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Verma, G. K. & Bagley, C. 1979. Measured Changes in Racial Attitudes Following the Use of Three Different Teaching Methods. DLM. Verma, G. K. & Bagley, C (ed.). *Race, education and identity*: 133-143. London: the Macmillan Press Ltd.
- Verma, G. K. & Bagley, C. 1984. *Race Relations and Cultural Differences*. London: Croom.
- Zarin Ismail. 1999. Pendidikan Moral di sekolah: apa dualisme dan dikotominya. *Prosiding Isu-Isu Pendidikan Negara*. 1: 281-293.
- Zukarnain Zakaria. 1999. *Statistik Pengurusan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Chew Fong Peng, PhD
Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

Emel: fpchew@um.edu.my